



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***INSTRUMEN PENILAIAN PRESTASI KENDIRI BAHASA KEBANGSAAN  
DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL***

**ARUL DAS A/L ARUMUGAM**

**FBMK 2022 23**



**INSTRUMEN PENILAIAN PRESTASI KENDIRI BAHASA KEBANGSAAN DI  
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL**

Oleh

**ARUL DAS A/L ARUMUGAM**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Jun 2022**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

**Syukur dan segala pujian pada-Mu Ya Illahi,**  
Maha Pencipta Segala Alam  
Atas nikmat dan hidayah-Mu  
Tersempurnalah kajian hamba-Mu demi anak bangsa!

**Untukmu bonda, Puan A. Thanam dan ayahanda, Encik N. Arumugam**  
Sungguhpun kedaifan hidup zaman Inggeris  
Tak sempat menjanjikan pendidikan untuk kalian  
Kedua-dua kau terdidik jua berbudi pekerti mulia Menjadi idola dan inspirasi buat  
selama-lamanya Terima kasih, Mak.. Ayah!

**Untukmu isteri tersayang, Puan Sumathi Ratnam**  
Masihku ingat semangat yang engkau suntik  
Semasa ku dianugerahi ijazah pertama  
Mohon sambung belajar mendalami ilmu  
Percayalah suntikanmu  
menyemarakkan pelita kejayaan dalam jiwaku.  
Terima kasih, Sumathi!

**Barisan pendidik yang disanjung**  
Profesor Dr. Vijayaletchumy Subramaniam  
Profesor Madya Dr Rohaidah Kamaruddin dan Dr. Rozita Che Rodi  
Barisan pendidik sejak Darjah 1 hinggalah menara gading  
Atas khidmat membimbing tanpa mengenal jemu  
Terima kasih, kalian pendidik yang terdidik lagi tersohor!

**Kalangan pembantu kajian dan responden kajian**  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Pustakawan Universiti Putra Malaysia  
Pustakawan Universiti Kebangsaan Malaysia  
Pustakawan Perpustakaan Negara Malaysia  
Pustakawan IPGM Raja Melewar  
Sarjana Bahasa dan Pakar Pendidikan  
Pentadbir, Guru dan Murid Sekolah Kajian  
**Terima kasih kuucapkan dengan ikhlas!**

**Selagi nyawa dikandung badan  
Ruang balas jasa dinantikan saban  
Kudratku sarat dengan jiwa sentuhan  
Ker(a)na hasrat demi bangsa tempuh kejayaan  
Ya Tuhan, Yang Maha Pemurah  
Murahkanlah rezeki kalian budiman.**

**-Arul Das A/L Arumugam  
2022**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

## **INSTRUMEN PENILAIAN PRESTASI KENDIRI BAHASA KEBANGSAAN DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL**

Oleh

**ARUL DAS A/L ARUMUGAM**

Jun 2022

**Pengerusi : Profesor Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini bertujuan untuk mengukur ketekalan dan kesesuaian instrumen penilaian prestasi sendiri (IPPK) bahasa kebangsaan untuk mengatasi masalah penguasaan bahasa Melayu yang lemah dan sederhana dalam kalangan murid SJKT. Instrumen ini berperanan sebagai bahan pengukuran kekuatan dan kelemahan murid dalam aspek-aspek kefahaman, tatabahasa dan seni bahasa. Justeru, kajian ini mengenal pasti kesesuaian IPPK kepada murid di SJKT. Kajian ini juga menghuraikan keupayaan murid menggunakan IPPK untuk mengenal pasti kod warna pencapaian dengan betul. Selain itu, kajian ini merumuskan faktor dorongan IPPK terhadap motivasi pembelajaran murid. Kajian ini bersifat gabungan kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kaedah tinjauan. Melalui kaedah ini, pengumpulan maklumat dilakukan berdasarkan respons sesuatu populasi dengan hanya mengutip maklumat yang berkaitan (James A Black & Dean J Champion, 1976 ; Roger D. Wimmer dan Joseph R. Dominic, 2006). Berdasarkan kaedah ini, kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama melibatkan nilai kesepakatan pakar bagi dua segmen, iaitu analisis kesahan tentang kesesuaian kandungan S.B (Sistem Bahasa) dan analisis kesesuaian konstruk dalam kerangka IPPK secara keseluruhannya. Segmen pertama melibatkan dua orang Munsyi Dewan Bahasa, manakala segmen kedua melibatkan 25 orang pakar pedagogi (perguruan). Interpretasi analisis data ini berpandukan nilai peratusan respons, akuan pengauditan tatabahasa dan komen atau cadangan yang dikemukakan oleh pakar. Data dianalisis melalui statistik deskriptif dengan menggunakan kaedah kesepakatan pakar *Fuzzy Delphi*. Bahagian kedua dan bahagian ketiga melibatkan 115 orang murid di lokasi kajian. Kaedah pemerhatian digunakan untuk mengenal pasti tahap pemahaman dan keupayaan murid mengesan kod warna pencapaian dengan betul. Data dianalisis berdasarkan nilai peratusan skor. Bahagian terakhir kajian ini ialah fasa mengesan pengaruh IPPK sebagai pendorong motivasi pembelajaran bagi murid. Semua 115 murid memberikan respons terhadap dua belas item dalam soal selidik berdasarkan pengalaman selepas dan sebelum penggunaan IPPK. Data yang diperoleh dianalisis dalam nilai peratusan. Dapatan kesepakatan pakar dalam segmen pertama bahagian pertama menunjukkan bahawa klon S.B sangat sesuai

(100%). Dalam segmen kedua, kesepakatan pakar pada skala Sangat Setuju ialah 99.11% manakala skala Setuju ialah 0.89%. Kesepakatan ini melebihi nilai 75% seperti disyaratkan dalam reka bentuk Fuzzy Delphy. Dapatan ini menunjukkan bahawa IPPK sangat sesuai digunakan untuk murid-murid SJKT. Dapatan pemerhatian pada bahagian kedua menunjukkan bahawa 100% murid dapat mengesan kod warna dengan tepat pada ujian kedua berbanding dengan 94% pada ujian pertama. Dapatan respons murid tentang IPPK sebagai pendorong motivasi pada tahap Setuju ialah 100% pada peringkat pasca berbanding dengan 3% pada peringkat pra. Dapatan ini menunjukkan bahawa IPPK bersifat menjanakan perhatian, bersesuaian, mencungkil keyakinan dan memberikan kepuasan kepada murid. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa IPPK membantu murid untuk mengetahui tahap penguasaan yang sebenar dalam bahasa Melayu. Cadangan dikemukakan untuk guru mengukur penguasaan keseluruhan kelas, dan membuat penilaian sendiri tentang tahap keberkesanan pengajaran bahasa Melayu di SJKT.

Kata kunci: instrumen penilaian prestasi sendiri, kesesuaian kepada murid, keupayaan murid mengesan kod warna.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra of Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**SELF -PERFORMANCE ASSESSMENT INSTRUMENT IN NATIONAL LANGUAGE IN TAMIL NATIONAL TYPE SCHOOLS**

By

**ARUL DAS A/L ARUMUGAM**

**June 2022**

**Chairman : Professor Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

This study aims to measure the consistency and suitability of the national language self-assessment instrument (IPPK) to overcome the problem of poor and moderate Malay language proficiency among SJKT students. This instrument serves as a measurement material for students' strengths and weaknesses in comprehension, grammar and language arts aspects. Therefore, this study identifies the suitability of IPPK to students in SJKT. This study also describes the ability of students to use IPPK to identify the color code of achievement correctly. In addition, this study summarizes the driving factors of IPPK on student learning motivation. The study is a combination of quantitative and qualitative. This study applies a survey method design. Through this method, information collection is done based on the response of a population by simply collecting relevant information (James A Black & Dean J Champion, 1976; Roger D. Wimmer and Joseph R. Dominic, 2006). Based on this method, the study is divided into three parts. The first part involves the agreement values of experts for two segments, namely the validity analysis of the suitability of the S.B (Language System) content and the suitability analysis of the constructs in the IPPK framework as a whole. The first segment involved two *Munsyi Dewan Bahasa* while the second segment involved 25 pedagogy experts (teaching). . The interpretation of this data analysis is based on the percentage value of the responses, the grammatical audit statement and the comments or suggestions submitted by the experts. The data were analyzed through descriptive statistics using the Fuzzy Delphi expert agreement method. The second and third sections involved 115 students at the study location. Observation methods were used to identify students' level of understanding and ability to correctly detect color codes of achievement. Data were analyzed based on percentage score values. The last part of this study is the phase of detecting the influence of IPPK as a driver of learning motivation for students. All 115 students responded to twelve items in the questionnaire based on experience after and before the use of IPPK. The data obtained were analyzed through percentage values. The findings of the expert agreement in the first segment of the first part indicate that S.B clones are very suitable (100%). In the second segment, expert agreement on the Strongly Agree scale was 99.11% while the Agree scale was 0.89%.

This deal exceeds the 75% value as required in the Fuzzy Delphy design. These findings show that IPPK is suitable for use for SJKT students. The observation findings in the second part showed that 100% of the students were able to detect the color code accurately on the second test compared to 94% on the first test. Findings of students' response to IPPK as a motivator at the Agree level is 100% at the post level compared to 3% at the pre level. These findings show that IPPK is to generate attention, appropriate, build confidence and give satisfaction to him. These findings show that IPPK helps students to know the actual level of proficiency in the Malay language. Several suggestions are presented for teachers to measure the mastery of the whole class and make a self -assessment on the level of effectiveness of Malay language teaching in SJKT.

Keywords: self -assessment instrument, suitability to students, student ability to detect color code.



## PENGHARGAAN

Salam penghargaan dipanjangkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Cairo, Mantin di Negeri Sembilan dan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil(SJKT) Ladang Rinching, Ladang Semenyih dan Ladang Dominion di daerah Hulu Langat, Selangor atas kelulusan dan kebenaran menjalankan kajian ini. Kerjasama yang diberikan oleh para guru besar, barisan guru penolong kanan, ketua-ketua panitia mata pelajaran Bahasa Melayu, guru-guru mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 4 serta murid-murid Tahun 4 serta ibu bapa di SJKT-SJKT Ladang Rinching, Ladang Semenyih dan Ladang Dominion amat terkesan kerana tanpa pelibatan mereka, tidak mungkin kajian ini dapat dilaksanakan lebih-lebih lagi semasa ancaman COVID 19 membelenggu dunia. Selain itu, kesudian Guru Besar dan Ketua Panitia Bahasa Melayu serta guru Bahasa Melayu di SJKT lain dan SJKC daerah Seremban dalam memberikan respons terhadap kesahan konstruk penilaian amat dihargai. Kesudian Tuan Munsyi Dewan, Md Rasul bin Harun (Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia) dan Puan Munsyi Dewan, Zainab binti Said (SMK Puteri Seremban, Kementerian Pendidikan Malaysia) dalam mengaudit tatabahasa amat dihargai.

Salam penghargaan juga ditujukan kepada sembilan orang guru kanan mata pelajaran Bahasa Melayu di SJKT-SJKT daerah Hulu Langat yang sudi berkongsi respons semasa pengkaji menjalankan tinjauan awal. Atas kesudian mereka, pengkaji dapat gambaran awal tentang senario pemeraksanaan bahasa kebangsaan dalam kalangan kanak-kanak. Perpustakaan Negara di Kuala Lumpur, Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad di Universiti Putra Malaysia serta Perpustakaan IPGM Kampus Raja Melewar merupakan lokasi pengkaji berkubang untuk membuat kajian literatur dan kajian ke atas penghasilan pelopor bagi setiap teori. Keprihatinan para pustakawan di keempat-empat perpustakaan yang menyantuni kekurangupayaan saya amat dihargai. Syabas kepada Perpustakaan Negara Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia serta IPGM Kampus Raja Melayu kerana mempunyai para pustakawan yang bersifat madani. Tahniah!

Kesungguhan panel penyelia saya, Profesor Dr. Vijayaletchumy Subramaniam sebagai pengerusi, Profesor Madya Dr Rohaidah Kamaruddin dan Dr. Rozita Che Rhodi sebagai ahli-ahli jawatankuasa menjadi tunjang kejayaan penghasilan tesis ini. Berkat doa, bimbingan dan galakan mereka telah menggerakkan dorongan motivasi dalaman saya untuk menghasilkan tesis ini. Tidak ketinggalan juga beberapa pakar dari luar seperti Dr. Suthanthiradewi JNJ Money (Universiti Terbuka Malaysia), Dr. Khairuddin Mohamad dan Dr. Balakrishnan(IPGM Kampus Raja Melewar), Encik Paramasivam Velan (IPGM Kampus Temenggong Ibrahim), Puan Norhayati binti Senek (Pegawai SISC+ Daerah Seremban) dan Encik Gopal Veerayah (Guru Cemerlang Bahasa Melayu) atas perkongsian buah fikiran.

Terima kasih. Jasa kalian akan saya kenang sepanjang masa.

**-ARUL DAS A/L ARUMUGAM (GS55721)**

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyerahan adalah seperti berikut:

**Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD**

Profesor  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Rohaidah binti Kamaruddin, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Rozita binti Che Rodi, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 13 Oktober 2022

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Arul Das a/l Arumugam, GS55721

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi;

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Dr. Vijayaletchumy a/p Subramaniam

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Madya Dr. Rohaidah binti Kamaruddin

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Rozita binti Che Rodi

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Muka surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang kajian	1
1.2.1	Bahasa Kebangsaan di Malaysia.	1
1.2.2	Penerimaan masyarakat India tentang Bahasa Kebangsaan	2
1.2.3	Bahasa Kebangsaan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil	3
1.2.4	Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu	5
1.2.5	Pemeriksaan Bahasa Kebangsaan	6
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Persoalan Kajian	12
1.5	Objektif Kajian	13
1.6	Batasan Kajian	13
1.7	Kepentingan Kajian	14
1.7.1	Murid	14
1.7.2	Guru	14
1.7.3	Dewan Bahasa dan Pustaka	14
1.7.4	Kementerian Pendidikan Malaysia	15
1.8	Definisi Operasional	15
1.8.1	Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri	15
1.8.2	Kesesuaian kepada Murid	16
1.8.3	Keupayaan mengesan kod warna	17
1.8.4	Bahasa Kebangsaan	17
1.9	Kesimpulan	18
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>19</b>
2.1	Pengenalan	19
2.2	Penilaian Kendiri dalam Pembelajaran	19
2.3	Pemeriksaan Bahasa Kebangsaan di Malaysia	22
2.4	Pengekodan Warna dalam Pembelajaran	24
2.5	Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua	29
2.6	Dorongan Motivasi dalam Penguasaan Bahasa	34

2.7	Model Konteks-Input-Proses-Produk (KIPP)	39
2.8	Teori Kecerdasan Pelbagai	41
2.9	Model Attention-Relevance-Confidence-Satisfaction (ARCS)	42
2.10	Jurang Penyelidikan	44
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>48</b>
3.1	Pengenalan	48
3.2	Reka Bentuk Kajian	48
3.3	Kerangka Konseptual	51
3.4	Kerangka Teori/Model	53
3.4.1	Model Penilaian Konteks-Input-Proses-Produk (KIPP)	53
3.4.2	Teori Kecerdasan Pelbagai	56
3.4.3	Model Attention-Relevance-Confident-Satisfaction (ARCS)	59
3.5	Lokasi Kajian	65
3.5.1	Kajian Rintis	65
3.5.2	Kajian Sebenar	65
3.6	Populasi & Persampelan	66
3.7	Instrumen Kajian	69
3.7.1	Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri (IPPK)	69
3.7.2	Borang Tinjauan Persetujuan Pakar	105
3.7.3	Soal Selidik Pemahaman Murid tentang IPPK	106
3.7.4	IPPK Ujian 1 dan IPPK Ujian 2	110
3.7.5	Soal Selidik Dorongan Motivasi Murid	117
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	118
3.8.1	Pengumpulan Data Kesesuaian Instrumen (Objektif 1)	118
3.8.2	Pengumpulan Data di Sampel Sekolah Kajian (Objektif 2 dan Objektif 3)	120
3.9	Kesimpulan	121
<b>4</b>	<b>KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>122</b>
4.1	Pengenalan	122
4.2	Mengenal pasti kesesuaian IPPK kepada murid SJKT Daerah Hulu Langat	123
4.2.1	Kesahan tentang kesesuaian kandungan klon SB (Sistem Bahasa) dalam IPPK, Bahasa Melayu (Pemahaman) SJK	123
4.2.2	Kesesuaian konstruk dalam kerangka IPPK (Pakar Perguruan)	125
4.3	Menghuraikan keupayaan murid di SJKT Daerah Hulu Langat menggunakan IPPK untuk mengenal pasti kod warna pencapaian dengan betul	131
4.3.1	Keupayaan Murid Menggunakan IPPK 1 dan IPPK2	131
4.3.2	Soal Selidik Pemahaman tentang IPPK (Murid)	140
4.4	Merumuskan dorongan motivasi Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri terhadap pembelajaran bahasa kebangsaan di SJKT Daerah Hulu Langat	152

4.4.1	Dapatan di Sampel Sekolah 1	152
4.4.2	Dapatan di Sampel Sekolah 2	154
4.4.3	Dapatan di Sampel Sekolah 3	156
4.4.4	Perbincangan Berdasarkan Elemen ARCS	159
4.4.5	Implikasi Dapatan Kajian dan Teori	171
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>174</b>
5.1	Pengenalan	174
5.2	Rumusan Kajian	174
5.3	Implikasi Kajian	176
5.4	Nilai Kebaharuan	179
5.5	Cadangan Umum	179
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	184
5.7	Kesimpulan	185
	<b>RUJUKAN</b>	<b>186</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>201</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>233</b>
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>235</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
4.1	Respons Pakar Bahasa tentang klon S.B dalam konstruk SB	124
4.2	Pemurnian Ayat dalam dokumen Konsep Klon Sistem Bahasa Mengikut IPPK	125
4.3	Respons Pakar Perguruan Mengikut Skala Persetujuan	126
4.4	Skor Pencapaian Responden di Sampel Sekolah 1	133
4.5	Skor Pencapaian Responden di Sampel Sekolah 2	136
4.6	Skor Pencapaian Responden di Sampel Sekolah 3	138
4.7	Rumusan Peratusan Skor Keseluruhan (Ketiga-tiga Sampel Sekolah)	139
4.8	Taburan Responden Berdasarkan Respons A, B dan C	141
4.9	Respon Murid tentang Akronim dalam IPPK	143
4.10	Peratus Responden Yang Boleh Mengesan Warna Pencapaian (Item 3-Kuning)	149
4.11	Peratus Responden Yang Boleh Mengesan Warna Pencapaian (Item 5-Hijau)	150
4.12	Peratus Responden Yang Boleh Mengesan Warna Pencapaian (Item 5-Merah)	151
4.13	Dapatan di Sampel Sekolah 1 (ARCS)	152
4.14	Dapatan di Sampel Sekolah 2 (ARCS)	154
4.15	Dapatan di Sampel Sekolah 3 (ARCS)	157
4.16	Dapatan bagi elemen A-Perhatian (Attention)	160
4.17	Dapatan bagi elemen R-Kesesuaian (Relevance)	163
4.18	Dapatan bagi elemen C-Keyakinan (Confidence)	166
4.19	Dapatan bagi elemen S-Kepuasan(Satisfaction)	169



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
1.1 Purata Respons Tinjauan Awal (dalam peratus)	8
3.1 Reka Bentuk Kajian	49
3.2 Kerangka Konseptual Kajian	53
3.3 Model ARCS: Strategi, Definisi dan Persoalan Proses	59
3.4 Kerangka kajian tindakan yang disesuaikan daripada Model John Elliot (1985)	70
3.5 Perbandingan antara DSKP dengan Klon SB (Morfologi)	88
3.6 Sistem Imbuhan Bahasa Melayu	90
3.7 Kata Hubung	96
5.1 BPPK BM	181

## SENARAI SINGKATAN

SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPPK	Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
ARCS	Attention, Relevance, Confidence, Satisfaction
BAPK	Borang Analisis Pencapaian Kelas



© COPYRIGHT UPM

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Bab Satu membincangkan tujuh perkara iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional kajian.

### 1.2 Latar belakang kajian

Latar belakang kajian ini membicarakan lima aspek, iaitu bahasa kebangsaan di Malaysia, penerimaan masyarakat India tentang bahasa kebangsaan, bahasa kebangsaan di sekolah jenis kebangsaan Tamil, hala tuju pendidikan Bahasa Melayu dan usaha memperkasakan bahasa kebangsaan.

#### 1.2.1 Bahasa Kebangsaan di Malaysia.

Perkara 152, Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Malaysia. Kedudukannya diperkukuh dengan kuasa undang-undang di bawah Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967[Akta 32]. Perkara 152 menggariskan bahasa kebangsaan ini hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang dengan syarat (a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi) atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan (b) tiada apa-apa juga dalam Fasal ini boleh menjejaskan hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain dalam Persekutuan.

Sharifah Darmia binti Sharif Adam dalam artikelnya bertajuk 'Perjuangan dan Cabaran Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan di Malaysia, 1957-1966' menyatakan bahawa penentuan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah menyaksikan beberapa isu berbangkit. Antaranya, kerjasama kebahasaan antara Malaysia dengan Indonesia pada tahun 1959 khasnya Perkara 6 Perjanjian Persahabatan Persekutuan Tanah Melayu dengan Republik Indonesia seperti yang berikut;

*Kedua-dua pihak tertinggi yang mengikat perjanjian sedar akan hal bahawa bahasa Melayu dan Indonesia ialah berasal sama, akan berusaha dengan cara kerjasama, bantu membantu dan perundingan untuk mencapai persamaan seberapa luas yang boleh dalam perkembangan dan penggunaannya.*

Dengan demikian, Perkara 6 ini telah menjanjikan pertumbuhan bahasa yang lebih maju untuk memenuhi keperluan zaman baharu, di samping mengurangkan jurang perbezaan antara bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia. Pada Disember 1959, rombongan bahasa daripada Persekutuan Tanah Melayu telah mengunjungi Indonesia untuk membincangkan ejaan bersama yang dikenali sebagai ejaan 'Melindo'. Rombongan Persekutuan Tanah Melayu diketuai oleh Tuan Syed Nasir Bin Ismail (Pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka), manakala rombongan Republik Indonesia diketuai oleh Profesor Dr. Slametmuljana. Pada 21 Oktober 1959, Persekutuan Tanah Melayu telah menubuhkan Jawatankuasa Bersama Tentang Soal Bahasa Persekutuan Tanah Melayu-Indonesia yang diketuai oleh Pendeta Za'ba untuk menyelaraskan bahasa antara kedua-dua negara. Usaha ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu berasal dari rumpun Kepulauan Melayu atau lebih dikenali Nusantara.

A. Aziz Deraman menyifatkan bahasa Melayu sebagai bahasa negara, sama seperti bahasa Jerman di Jerman, bahasa Jepun di Jepun, bahasa Rusia di Rusia, bahasa Korea di Korea dan bahasa Mandarin di China. Bahasa itulah yang menjadi lambang kepada kehidupan kebangsaan dan pengukuhan jati diri negara bangsa. Dasar Bahasa Negara mendukung Perkara 152(1) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan bagi Malaysia, bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi untuk melaksanakan maksud-maksud Kerajaan Persekutuan, badan berkanun, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan, rakyat Malaysia tidak dilarang menggunakan, belajar atau mengajar bahasa lain.

Hasmi Hashim dalam Malaysiakini bertarikh 25 Jun 2018 menjelaskan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa penyatuan bagi seluruh warga negara daripada pelbagai kaum dan daerah. Hari ini, bahasa Melayu milik setiap warga negara. Memperlekeh dan meremehkan bahasa kebangsaan bererti memperlekeh dan meremehkan semua anak bangsa Malaysia dan bukan bangsa Melayu sahaja. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah diterima sebagai bahasa kebangsaan bagi setiap anak bangsa Malaysia yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India, Kadazan, Orang Asli, Bajau, Murut dan setiap suku kaum lain di Sabah dan Sarawak.

### **1.2.2 Penerimaan masyarakat India tentang Bahasa Kebangsaan**

Arulnathan A/L Visurasam (2013) merujuk kenyataan Abdullah Hassan (1997) bahawa masyarakat India menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Malaysia. Sejak Laporan Cheesmen (1946) sehingga Laporan Kabinet 1979, masyarakat India menerima perubahan yang mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini.

Richard O. Wistedt (1969) menyatakan bahawa masyarakat India telah datang ke Kepulauan Melayu pada awal abad keempat lagi. Ismail Hamid (2001) pula menyatakan bahawa hubungan masyarakat India dengan Nusantara telah bermula pada abad terakhir sebelum menjelang tahun masihi berdasarkan nama panggilan beberapa tempat yang terdapat dalam karya klasik India, seperti Jataka dan Ramayana. Masyarakat India

berasal dari Benua Kecil India. Mereka datang ke Tanah Melayu dari Wilayah Madras (*Madras Province*), India Tengah (Maharashtra, Benggal, Gujerat dan Madhya Pradesh) dan India Utara (Punjab dan Uttar Pradesh). Selain kaum Sikh dari Punjab, majoriti kaum yang datang ke Tanah Melayu terdiri daripada kaum Tamil, Telegu, Malayalee dan Orissa. Mereka berasal dari Wilayah Madras di Selatan India dan Sri Lanka (*Ceylon*). Kini, Wilayah Madras tidak wujud dan digantikan dengan beberapa negeri berautonomi di bawah Kesatuan India (*States of Indian Union*). Negeri-negeri tersebut ialah Tamil Nadu dan Pondicherry(masyarakat Tamil), Andhra Pradesh dan Telenggana(Telegu), Kerala(Malayalee) dan Orissa(Odissa). Sungguhpun mereka mempunyai bahasa masing-masing namun, semua suku kaum tersebut menerima bahasa Tamil sebagai bahasa perantara sesama mereka. Kini, bahasa Tamil merupakan antara bahasa kebangsaan negara Singapura dan Sri Lanka yang berdaulat, manakala sebagai bahasa utama di Malaysia, Australia dan Kanada. Di Sri Lanka, Tamil Nadu dan Pondicherry, bahasa Tamil berperanan sebagai bahasa urusan rasmi.

Merujuk perkembangan sistem ekonomi di Malaysia, khasnya Semenanjung Malaysia(Tanah Melayu), Shodganga berkata bahawa kedatangan buruh India secara beramai-ramai sudahpun bermula pada pertengahan abad ke-19. Para pelabur Eropah di Tanah Melayu bergantung kepada buruh India untuk membangunkan industri mereka, khasnya perladangan kopi dan tebu. Pada awal abad ke-20, kumpulan buruh tersebut dipindahkan ke sektor perladangan getah. Semasa kepesatan industri perladangan getah, buruh-buruh dari Selatan India didatangkan melalui Sistem *Kangani*. Menjelang tahun 1900-an, penyediaan kemudahan sekolah kepada anak pekerja ladang menjadi antara modal menarik kedatangan pekerja tersebut.

Menurut C. Arun(2012), setiap kangani(mandor) terikat dengan perjanjian kontrak untuk membekalkan buruh-buruh ke ladang getah. Bagaimanapun, A.Kandan(1977) menyatakan bahawa pendidikan Tamil di Tanah Melayu bermula pada tahun 1816 di Penang Free School. Ini disusuli pula oleh Ordinan Buruh 1912 yang mewajibkan majikan ladang mendirikan sekolah, jika terdapat bilangan kanak-kanak seramai 10 orang dalam lingkungan umur antara tujuh hingga empat belas tahun di sesebuah ladang. Pada tahun 1933, Sir Cecil Clementi Smith selaku Ketua Komander Negeri-Negeri Selat telah mencadangkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris diajar di sekolah. Jawatankuasa Barnes yang terbentuk semasa kerajaan Persekutuan Tanah Melayu(*Federated Malay States*) mencadangkan bahawa kanak-kanak bukan Melayu diberi peluang mempelajari bahasa Melayu. Jawatankuasa Pendidikan India (*Indian Education Committee*) yang terbentuk sejurus Laporan Jawatankuasa Barnes, menyokong penuh bahasa Melayu diajarkan kepada setiap kanak-kanak India di semua sekolah, termasuk sekolah aliran Tamil.

### **1.2.3 Bahasa Kebangsaan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil**

Sekolah-sekolah vernakular Tamil ditubuhkan di Tanah Melayu (Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu) semasa pentadbiran British. Abdul Ghoni Ahmad (2016) menyatakan bahawa sejarah kelas Bahasa Tamil yang pertama bermula pada 21 Oktober 1816 di Penang Free School.

Menurut A.Kandan (1979), Ordinan Buruh 1912 telah mewajibkan majikan ladang yang mempunyai lebih daripada sepuluh orang kanak-kanak berumur antara 7 hingga 14 tahun menaja sebuah sekolah Tamil di sesuatu ladang milik majikan tersebut. Menurut Samathilingam Sathiaselvan (2006), beberapa orang berpendidikan Tamil dari Sri Lanka telah bergiat aktif dalam penubuhan sekolah-sekolah Tamil di estet dan kawasan bandar. Walaupun pada awal penubuhannya, pendidikan di sekolah ini tidak begitu sistematik namun, sejak tahun 1937 kerajaan Tanah Melayu di bawah pentadbiran British telah mengambil inisiatif untuk menyeragamkan kefungsiannya, dengan melantik seorang pegawai di jabatan pelajaran khusus untuk memantau pengurusan sekolah serta menyediakan tenaga pengajar yang terlatih. Bagaimanapun, bahasa Tamil menjadi bahasa perantara dan semua mata pelajaran diajar dalam bahasa Tamil, kecuali bahasa Inggeris. Bahasa Melayu tidak diajarkan ketika itu.

Pelaksanaan Ordinan Pelajaran 1956 yang mengadaptasi Laporan Razak 1956 memberikan petua yang jelas bahawa bahasa Melayu diajar di semua sekolah. Di sekolah kebangsaan, bahasa Melayu diajar sebagai bahasa pertama, manakala di sekolah-sekolah Tamil dan Cina, bahasa Melayu dijadikan mata pelajaran yang wajib diajar dan dipelajari sebagai bahasa kedua. Dengan demikian, bahasa Melayu dapat dipelajari oleh semua kanak-kanak yang berumur antara tujuh hingga dua belas tahun di sekolah aliran Tamil.

Menurut sumber bertajuk 'Sejarah Sekolah-Sekolah Di Negeri Sembilan 1870-1974', semua sekolah Tamil mula dikenali sebagai Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) selepas 1957. Sekolah tersebut dibiayai oleh kerajaan sama ada secara sepenuhnya atau sebahagian. Pembekalan guru-guru ke sekolah Tamil ditentukan oleh kerajaan Malaysia atau Kementerian Pendidikan Malaysia, yakni guru yang beropsyen bahasa Melayu dilatih dan ditempatkan di sekolah aliran Tamil sehingga kini. Mulai tahun 2017 sehingga 2019, kelulusan sekurang-kurangnya pada gred D (peringkat pencapaian minimum) membolehkan seseorang murid lepasan Tahun 6 memasuki Tingkatan 1 tanpa melalui Tingkatan Peralihan di sekolah menengah. Jika memperoleh gred tidak mencapai penguasaan minimum, iaitu gred E, murid tersebut mesti mengikuti Tingkatan Peralihan sebelum ke Tingkatan Satu. Bermula tahun 2020, kelulusan pada Tahap Penguasaan (TP) 4 hingga TP6 menjanjikan penempatan murid di Tingkatan 1. Pada tahun 2021, murid yang mencapai TP3 diuji melalui ujian khas anjuran Lembaga Peperiksaan Malaysia tentang tahap penguasaan dalam kemahiran bertulis bahasa Melayu. Jika lulus, atas syor daripada ketua pegawai pendidikan daerah murid yang mencapai TP3 juga diterima masuk ke Tingkatan 1. Murid pada TP1 dan TP2 perlu memasuki kelas Peralihan.

Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah digubal untuk membolehkan murid berketrampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian. Kurikulum ini berfokus pada tiga matlamat, iaitu pertama, memperkukuh kemahiran berkomunikasi murid dari segi pendengaran, pertuturan, pembacaan, penulisan, interaksi lisan dan interaksi penulisan. Kedua, membolehkan murid untuk berhubung dengan masyarakat yang menggunakan bahasa yang sama di seluruh Nusantara dan dunia, dan ketiga, membolehkan murid untuk



berhubung dengan masyarakat yang menggunakan bahasa yang sama di seluruh Asia dan dunia.

#### 1.2.4 Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu

Pendidikan di sekolah seharusnya berupaya menjadikan murid sebagai warganegara yang menghargai dan bangga akan bahasa Melayu. Hal ini haruslah selari dengan matlamat pengajaran bahasa Melayu yang menekankan aspek penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu yang lebih bermutu dalam kalangan murid (Rusmadi Baharuddin:1995). Artikel 152, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, menjelaskan “Bahasa kebangsaan negara ini ialah Bahasa Melayu ...”. Bahasa Melayu juga dikenali sebagai Bahasa Malaysia dan dijadikan bahasa rasmi negara, bahasa pentadbiran, bahasa perhubungan umum dan bahasa pengantar serta bahasa ilmiah di sekolah dan institusi pengajian tinggi (Nik Safiah et al. 1996:19). Greene(1973) menyatakan bahawa sesuatu pengajaran hanya bermula apabila murid mula belajar dan cuba menjawab soalan yang dilontar kepadanya. Tambahnya lagi, murid mula memahami sesuatu, berkeupayaan memberikan sebab-musabab, dan melihat kaitannya berdasarkan pengalaman peribadi serta membetulkan kesalahan lampau. Dalam kajian ini, bahasa Melayu dirujuk sebagai bahasa kedua di sekolah rendah jenis kebangsaan, dan setiap murid wajib lulus sebelum ke tingkatan satu di sekolah menengah. Jika tidak lulus, murid perlu melalui kelas Peralihan selama setahun. Pemerolehan bahasa kedua didefinisikan sebagai proses pembelajaran bahasa asing selepas mengetahui asas bahasa pertama, yang bermula pada peringkat umur lima tahun atau selepasnya (Dulay, Burt & Krashen 1982). Cook (1991) pula mendefinisikan bahasa kedua sebagai bahasa yang dipelajari oleh seseorang individu sebagai tambahan kepada bahasa ibunda yang sedia ada.

Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 menyentuh sejarah pendidikan bahasa Melayu di negara ini. Pada tahun 1884, pendidikan asas bahasa Melayu diberikan di sekolah Melayu. Pada tahun 1951, bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah Melayu. Laporan Razak 1956 pula mencadangkan bahawa bahasa Melayu dipelajari oleh murid-murid di semua sekolah. Ini disusuli oleh Laporan Rahman Talib 1960 yang mencadangkan pengantar bahasa Inggeris di sekolah rendah ditukar kepada bahasa Melayu. Akta Pendidikan 1961 mewajibkan setiap murid lulus bahasa kebangsaan untuk memasuki sekolah menengah. Pada tahun 1962, murid diwajibkan lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran(SRP). Pada tahun 1982, bahasa Melayu dijadikan mata pelajaran wajib dan bahasa pengantar utama di sekolah kebangsaan. Akta Pendidikan 1996 mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama pendidikan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia(PPPM) 2013-2025 berhasrat memartabatkan pendidikan bahasa Melayu di semua peringkat institusi.

Noorzila binti Md. Yusuf(2015) merujuk terminologi ‘*Interlanguage*’ atau bahasa antara yang diutarakan oleh Selinker(1992). Bahasa antara dirujuk untuk menerangkan peringkat peralihan daripada bahasa pertama kepada bahasa kedua. Bahasa antara merupakan satu sistem linguistik tersendiri bagi murid bahasa kedua yang berusaha untuk bertutur atau menghasilkan bahasa sasaran. Dapatan menunjukkan bahawa bahasa



antara membantu murid menguasai bahasa Melayu secara berperingkat. Pada tahap basilek(prasistematik), individu belum menghayati bahasa kedua. Kesalahan bahasa dilihat secara rambang. Individu menggunakan struktur bahasa yang kurang betul. Pada tahap mesolek(sistematik), individu melakukan kesalahan yang tetap walaupun sudah mempelajari peraturan bahasa kedua. Individu tersebut tidak dapat membetulkan kesalahannya secara sendiri walaupun disuruh membuat sedemikian. Pada tahap akrolek(pasca sistematik), individu dapat menghasilkan struktur bahasa yang betul, tetapi masih tidak mapan. Pada tahap ini, individu telah dapat menghayati peraturan tatabahasa bahasa kedua, tetapi kadangkala melakukan kesalahan kerana terlupa. Namun, dia dapat membetulkan kesalahan tersebut apabila disuruh berbuat demikian. Ini memberikan gambaran bahawa bahasa pertama turut berperanan dalam membantu individu menguasai bahasa kedua.

Saraswathy A/P Pormalu @ Perumal(2017) menyarankan bahawa kaedah pembelajaran bahasa kedua iaitu bahasa Melayu yang dipraktikkan perlu disesuaikan dengan latar belakang murid sekolah rendah, terutamanya di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil(SJKT) seluruh Malaysia. Langkah ini pasti akan menjanjikan tahap prestasi yang tinggi dalam pembelajaran bahasa kedua kelak di SJKT.

Vijayaletchumy Subramaniam (2012) yang memetik Asmah Omar bahawa proses pembelajaran bahasa melibatkan penggunaan otak kiri. Malah, proses pembelajaran bahasa Melayu di Malaysia masih memberikan penekanan kepada elemen tatabahasa, sebutan, elemen seni bahasa, dan sebagainya. Menurut Vijayaletchumy Subramaniam lagi, murid lebih berminat untuk membaca dan mendengar sekiranya sesi pembelajaran itu bersifat santai tanpa menekankan aspek-tatabahasa. Selain itu, kaedah ini boleh mencungkil minat murid untuk meneroka dan mempelajari aspek bahasa secara mendalam melalui teknik pembacaan, pendengaran dan pertuturan secara konsisten.

### 1.2.5 Pemerksaan Bahasa Kebangsaan

Perkataan ‘memperkasakan’ berasal daripada kata dasar ‘perkasa’. Perkataan ‘perkasa’ merupakan perkataan pinjaman daripada bahasa Tamil yang berbunyi ‘*prakasam*’, yang tergolong dalam klon kata adjektif. Kedua-dua bahasa membawa maksud yang sama. Kamus Dewan memperincikan ‘perkasa’ sebagai gagah. Apabila dijadikan kata kerja terbitan dengan mengapitkan kata dasar dengan imbuhan *meN....kan* maka, wujudlah ‘memperkasakan’. ‘Memperkasakan’ menurut Kamus Dewan merujuk aktiviti menjadikan hebat, unggul, kuat, terkenal, berdaulat, dominan, dan sebagainya.

‘Pemerksaan Bahasa Kebangsaan’ pula merujuk kedudukan yang sepatutnya bahasa Melayu miliki dalam hati rakyat negara Malaysia. Sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Malaysia, bahasa Melayu sepatutnya menjadi bahasa pertama sekurang-kurangnya di papan tanda bangunan, termasuk bangunan kedai dan sekolah. Awang Sariyan dalam makalah bertajuk ‘Mendaulatkan Martabat Bangsa’ menyatakan bahawa bahasa Melayu telah menjadi bahasa kerajaan, bahasa perdagangan, bahasa pengajian agama dan *lingua franca* bagi rantau Kepulauan Melayu di bawah Kerajaan

Sriwijaya sejak abad ketujuh masihi. Pada zaman Kesultanan Melayu di Melaka pada abad ketiga belas masihi, bahasa Melayu mencapai puncak kegemilangan sebagai bahasa tamadun Melayu yang baharu dengan menjadi bahasa pentadbiran, bahasa diplomasi, bahasa undang-undang, bahasa ilmu dan falsafah, bahasa perdagangan, bahasa ketatanegaraan dan bahasa sastera tinggi. Beliau merujuk ungkapan daripada Francois Valentijn, seorang sarjana Belanda pada abad ke-16 bahawa bahasa Melayu turut digunakan di negeri-negeri Timur, dan difahami oleh setiap orang di mana-mana sahaja. Awang Sariyan merumuskan bahawa kebitaraan Bahasa Melayu pada abad ke 16 dan 17 masihi sebagai bahasa antarabangsa sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa diplomatik, *lingua franca*, bahasa perdagangan sedunia, bahasa penyebaran agama dan bahasa sastera.

Dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu, Awang Sariyan mengesyorkan tujuh langkah yang harus dilakukan di setiap institusi. Syor pertama ialah penegasan dan penguatkuasaan dasar bahasa secara bersepadu, yakni penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi hendaklah ditegaskan selaras dengan Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan. Syor kedua melibatkan pindaan dan peluasan peruntukan akta yang berkaitan agar memberikan cakupan lebih luas terhadap penggunaan bahasa Melayu. Syor ketiga melibatkan pengayaan khazanah ilmu dan persuratan dalam bahasa Melayu. Syor keempat pula tentang pembudayaan bahasa Melayu melalui sistem pendidikan dengan harapan landasan pelbagai ragam bahasa tidak rasmi samada bahasa Internet, *Short Message System(SMS)* tidak akan sampai menggugat bahasa yang mewakili budaya teras. Syor kelima merujuk komponen bahasa dan persuratan dalam pelbagai program negara seperti Program Khidmat Negara, kursus Biro Tatanegara, dan sebagainya. Syor keenam merujuk modul bahasa dan persuratan dalam program latihan jabatan. Syor ketujuh berkaitan pemantauan berterusan terhadap bidang penyiaran dan media massa. Syor kelapan mencakupkan semua syor ke dalam satu skop yang dikenali pemsyarakatan bahasa kebangsaan bertaraf kebangsaan supaya bahasa dan persuratan tidak lagi dipandang sebagai suatu entiti yang luar daripada masyarakat.

Dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan, Kementerian Pendidikan melaksanakan beberapa program. Antaranya, Program Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris(MBMMBI). Selaras dengan syor Awang Sariyan, beberapa aktiviti memasyarakatkan bahasa kebangsaan bertaraf antarabangsa sedang giat dijalankan. Sebagai contoh, Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan pada Oktober setiap tahun menggalakkan masyarakat pelbagai kaum di pelbagai institusi, baik institusi kerajaan mahupun bukan kerajaan menghayati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan ini diadakan untuk mempromosikan produk bahasa, sastera, penerbitan dan budaya Melayu, di samping memantapkan jaringan kerjasama antara Dewan Bahasa dan Pustaka dengan pelbagai pihak. Program Bulan Bahasa Kebangsaan ini, diharap dapat meningkatkan kecintaan dan memperkukuh bahasa, budaya dan sastera Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka membekalkan bahan berupa kain rentang, buku cerita, dan sebagainya kepada sekolah yang menganjurkan program Bulan Bahasa Kebangsaan. Antara aktiviti yang dijalankan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil(SJKT) ialah pentas bicara(menggalakkan penyampaian secara spontan), pertandingan mencari perkataan atau teka silang kata,

mendeklamasi sajak, menari, bercerita, menyampaikan syarahan, menyanyi lagu, melukis dan mewarna. Ada juga SJKT yang menerbitkan buletin khas serta meraih murid terbilang dengan anugerah ‘Panglima Muda Bahasa Melayu’ berserta piala pusingan atas nama tokoh bahasa, seperti Pendeta Za’ba dan Munshi Abdullah.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Penguasaan murid dalam bahasa Melayu pada tahap yang rendah atau sederhana menjadi masalah utama di SJKT. Antara sebab yang dikenal pasti ialah murid kurang aktif kerana kurang memahami sistem bahasa dalam bahasa Melayu. Antara puncanya ialah penguasaan kosa kata yang rendah, gangguan bahasa pertama dan ketiadaan sokongan keluarga (Ameera Shazrina dan Vijayaletchumy Subramaniam, 2019).

Bil	ITEM	YA	TIDAK	KURANG PASTI
1	Murid kurang aktif dalam mempelajari Bahasa Melayu.	95.6	4.4	0
2	Tahap penguasaan kosa kata Bahasa Melayu rendah.	90.0	10.0	0
3	Perbezaan linguistik bahasa pertama (Bahasa Tamil) mengganggu pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.	91.1	8.9	0
4	Sokongan keluarga terhadap pembelajaran Bahasa Melayu kurang.	90	10	0
5	Bahasa Melayu bukan alat komunikasi dalam keluarga murid.	100	0	0
6.	Murid kurang memahami sistem bahasa dalam Bahasa Melayu.	92.2	7.8	0

#### Rajah 1.1 : Purata Respons Tinjauan Awal (dalam peratus)

Berdasarkan rajah 1.1 tentang hasil tinjauan pengkaji, persetujuan sembilan orang guru pada respons ‘YA’ bagi setiap item lebih tinggi berbanding dengan persetujuan bagi respons ‘TIDAK’. Respons ‘KURANG PASTI’ tidak dipilih langsung. Dengan demikian, purata persetujuan bagi item 1: ‘Murid kurang aktif dalam mempelajari Bahasa Melayu’ ialah 95.6% bagi respons ‘YA’ dan 4.4% bagi respons ‘TIDAK’. Dapatan bagi item 2: ‘Tahap penguasaan kosa kata Bahasa Melayu rendah’ dipersetujui 90.0% pada respons ‘YA’ dan 10.0% pada respons ‘TIDAK’. Item ke-3: ‘Perbezaan linguistik bahasa pertama (bahasa Tamil) mengganggu pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua’ dipersetujui 91.1% pada respon ‘YA’ dan 8.9% pada respons ‘TIDAK’. Item ke-5: ‘Bahasa Melayu bukan alat komunikasi dalam keluarga’ dipersetujui 100% pada respons ‘YA’. Item ke-6: ‘Murid kurang memahami sistem bahasa dalam bahasa Melayu’ dipersetujui 92.2% pada respons ‘YA’ dan 7.8% pada respons ‘TIDAK’. Secara keseluruhannya, faktor kekurangan atau kelemahan mendominasi sikap dan masalah murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan Tamil, khasnya di daerah Hulu Langat.

Selain itu, murid-murid Tahun 4 pada tahun 2020 tidak ada pengalaman menduduki peperiksaan formatif pada Tahap 1 akibat pemansuhan peperiksaan (*Surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 14 Tahun 2018*). Ini menyebabkan mereka tidak begitu peka terhadap spesifikasi sistem bahasa yang bakal diuji di Tahap 2. Keadaan ini mempengaruhi motivasi intrinsik murid di sekolah. Ini disokong oleh sembilan orang guru dalam kajian tinjauan awal yang menyatakan pendapat bahawa a) Murid tidak menunjukkan kesungguhan untuk belajar bahasa Melayu., b) Ramai murid pada tahap dua bersikap pasif atau acuh tak acuh terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dan, c) Murid tidak terdedah kepada cara mengukur kekuatan dan kelemahannya dalam menguasai sistem tatabahasa bahasa Melayu, malah murid yang sepatutnya melonjak ke tahap cemerlang tidak tahu cara mengesan kawasan kelemahannya yang memerlukan terapi secara klinikal atau pembelajaran ala sendiri. Lebih-lebih lagi, sekolah-sekolah ini tiada instrumen kawalan kualiti pembelajaran yang khusus dan bersistematik, yang boleh mengimbangi kejayaan dengan emosi dan menjana pembelajaran sendiri.

Stres 'breakdown' atau gangguan emosi kerap berlaku dalam kalangan murid sehingga ada keinginan untuk membunuh diri (Harian Metro, 30.4.2019; Utusan Borneo, 28.10.2016). Menurut Wan Mohd Rushidi Wan Mahmud (2012), ramai murid mengalami stres kerana tidak mendapat skor markah yang memuaskan hati ibu bapa dan guru. Gangguan emosi ini mempengaruhi minat murid terhadap pembelajaran mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah. Faktor kurang berminat terhadap pembacaan bahan dalam bahasa Melayu mempengaruhi tahap penguasaan murid (Chew Fong Peng, 2016). Terdapat murid-murid yang gagal dalam pembelajaran bahasa kedua ini, walaupun mereka memberikan keutamaan kepada bahasa tersebut. Murid yang mempunyai asas dalam pembelajaran bahasa Melayu berasa mata pelajaran tersebut senang, berbanding dengan murid yang menghadapi kesulitan. Oleh itu, sikap murid dalam pembelajaran bahasa kedua didapati mempengaruhi proses pembelajaran bahasa tersebut (Saraswathy A/P Pormalu @ Perumal, Rohaidah Kamaruddin, Paramasivam A/L Muthusamy, Ayuni Mohamad Bakari & Husna Hidayah Mansor:2017). Cook(1991) mendefinisikan bahasa kedua sebagai bahasa yang dipelajari oleh seseorang individu sebagai tambahan kepada bahasa ibunda yang sedia ada. Amirra Shazreena Amirul Razin dan Vijayaletchumy Subramaniam(2019) mengenal pasti lima masalah dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, iaitu kurang berminat untuk belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, tahap penguasaan kosa kata dalam bahasa Melayu rendah, perbezaan linguistik bahasa pertama, bahasa Tamil mengganggu pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, sokongan keluarga terhadap pembelajaran bahasa Melayu kurang dan bahasa Melayu belum sehati dalam keluarga murid sebagai alat komunikasi. Dapatan 'post-mortem' Laporan Tahun 2018, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian pula menyatakan bahawa pembelajaran aktif murid masih pada tahap rendah berbanding dengan aspek lain. Faktor persekitaran, seperti penyediaan kemudahan infrastruktur dan bahan pembelajaran yang berkualiti turut memainkan peranan penting dalam pencapaian akademik (Zainudin Abu Bakar dan Dineshkumar S. Haridas:2015).

Kelulusan bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia menjadi keperluan utama kepada seseorang yang ingin meneruskan hidup dalam dunia pekerjaan sektor perkhidmatan awam di Malaysia (*Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2006:Langkah-langkah Memperkasakan Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan*



*Awam*). Begitu juga dengan beberapa sektor swasta seperti bank, kilang perindustrian dan perladangan. Dengan demikian, keyakinan terhadap penggunaan bahasa Melayu menjadi keperluan utama kini.

Oleh itu, pencapaian dalam peperiksaan (intelektual) mempunyai pengaruh yang kuat terhadap keseimbangan emosi seseorang murid. Perkara ini disokong oleh Wan

Roslina Wan Ismail dalam makalahnya bertajuk 'Gagal Bukan Noktah Kehidupan'(Pelita Bahasa,2020). Menurutnya, sesetengah anak muda mengaitkan kegagalan dalam peperiksaan sebagai penamat kehidupan. Selain itu, Saruchi Sawal dalam makalahnya bertajuk 'Gagal atau Berjaya: Pilihan Di Tangan Sendiri'(Pelita Bahasa, 2020) jelas menyatakan bahawa perbandingan antara cerah dengan gelapnya masa hadapan seseorang secara lazimnya, ditentukan oleh pencapaian dalam peperiksaan. Murid berprestasi rendah berasa terkilan dan ini mempengaruhi dorongan motivasi untuk belajar dan menghayati bahasa Melayu pada masa selanjutnya. Murid yang mempunyai asas dalam bahasa Melayu mendapati bahasa Melayu ialah satu mata pelajaran yang senang, jika dibandingkan dengan murid yang menghadapi kesulitan dalam pembelajaran bahasa ini. Oleh itu, motivasi intrinsik yang terbentuk akibat keterpaksaan kurang berkesan, jika tidak diiringi minat dan keyakinan pada diri sendiri. Ramai murid mengalami tekanan perasaan apabila mereka tidak memperoleh markah lulus dalam kertas bahasa Melayu. Tekanan perasaan ini pula menyebabkan mereka takut berbahasa Melayu.

Tambahan pula, pencapaian dalam kertas bahasa Melayu diberikan fokus utama oleh semua pihak untuk meraih peluang pendidikan seterusnya. Oleh itu, sebilangan murid di sekolah Tamil berasa tertekan dan menganggap bahasa Melayu sukar untuk dikuasai. Ini mempengaruhi sikap murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Bagi murid cemerlang, masalahnya kurang, tetapi bagi murid lain, mereka menghadapi kesukaran untuk memahami tatabahasa dan kosa kata. Keadaan ini dipengaruhi oleh motivasi intrinsik murid yang merupakan penggerak proses membangkit, mengekal dan mengawal minat (Saraswathy A/P Pormalu @ Perumal et al.: 2017). Selain itu, golongan murid berprestasi rendah kurang yakin pada diri sendiri, kerana tidak mengetahui tahap keupayaannya dalam bahasa Melayu. Oleh itu, instrumen penilaian sendiri ini membantu murid untuk mengenali zon kekuatan dan zon kelemahan. Dengan menilai kekuatan dan kelemahan diri, murid dapat mengimbangi emosi dan persepsi terhadap diri sendiri dan bahasa Melayu. Bagi zon kekuatan, emosi murid berbangkit untuk membuat aktiviti pengukuhan, manakala bagi zon kelemahan, murid dapat mengenal pasti punca kesalahan lalu memperbaiki kelemahan tersebut. Secara umumnya, murid dapat menghayati setiap ilmu dalam bahasa Melayu. Ini sejajar dengan pandangan S. Nathesan bahawa seseorang yang ingin menguasai bahasa perlulah bersikap positif terhadap bahasa tersebut, dan perlu menguasai hatinya. Menurutnya lagi, terdapat tiga proses yang perlu dilalui oleh seseorang dalam mempelajari dan menguasai bahasa, iaitu belajar untuk mengetahui bahasa, mendalami bahasa dan menjadi mahir atau ahli bahasa tersebut (Bahasa Melayu Mudah Dipelajari, Sukar Dikuasai?(Pelita Bahasa,2012). Lebih-lebih lagi, sikap positif terhadap bahasa Melayu terdapat jika murid dapat mengenali ciri kejayaan diri(Al-Mansor Abu Said, 2018).

Ketiadaan proses interaksi bahasa dalam situasi sosial menyebabkan murid sukar menguasai bahasa Melayu lalu melakukan kesalahan morfologi, kata dan sintaksis dalam penulisan ayat (Chee Hwa Ooi & Vijaya Letchumi Subramaniam, 2016). Seajar dengan Dasar Bahasa Kebangsaan, kelulusan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah wajib baik peringkat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mahupun Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bagi murid di sekolah jenis kebangsaan Tamil, kelulusan di peringkat UPSR atau Tahun 6 menjanjikan peluang melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Satu tanpa melalui kelas Peralihan. Perkara ini mendapat perhatian daripada masyarakat, khasnya kalangan ibu bapa. Oleh itu, pencapaian dalam peperiksaan Bahasa Melayu mempengaruhi kawalan emosi seseorang murid.

Murid yang mempunyai konsep sendiri dan relians sendiri menunjukkan motivasi yang tinggi untuk berusaha dan mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan (Tay-Koay Siew Lan, 1992). Pengkaji lepas yang membentuk Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri bagi bab Algebra Matematik Tingkatan Empat lebih cenderung untuk mengkaji aspek minat, seperti motivasi dan kesediaan untuk belajar (Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah, Low Chai Peng dan Mohd Uzi Dollah, 2016). Motivasi merujuk usaha melakukan sesuatu tanpa disuruh, manakala kesediaan untuk belajar merujuk sikap mengikuti pembelajaran dan pengajaran dalam kelas. Sungguhpun demikian, instrumen ini tidak meliputi semua bab topik matematik yang wajib dipelajari oleh murid. Ini bermakna instrumen tersebut tidak dapat membantu murid mengetahui bab yang mantap atau lemah penguasaannya. Bagi pengkaji bahasa Melayu, instrumen kajian lebih berpusat pada aspek yang dikaji semata-mata, seperti pembentukan ayat, pengimbuhan, golongan kata, gaya pertuturan dan sebagainya (Sivaperumal a/ Narayanan, 2021; Nora'Azian Nahar dan Fadzilah Abd. Rahman, 2018). Tiada kajian yang menyeluruh yang memberikan penekanan terhadap instrumen penilaian sendiri yang merangkumi keseluruhan aspek-tatabahasa dan seni bahasa.

Selain itu, penggunaan kod warna mempunyai hubungan dengan kawalan emosi manusia (Domicele Jonauskaite, Alejandro Parraga Michael Quiblier dan Christine Mohr, 2020). Maka, warna lampu trafik digunakan secara meluas dalam menyelesaikan masalah pembelajaran (Devaki Periasamy, 2019; Sandi Aryanto Asyid, Dimas Muhamad Rizki Nurdiansyah dan Aseptiana Parmawati, 2019). Mahwish Mumtaz Niazi, Nawaz Ahmad dan Maria Aftab (2015) menyatakan bahawa warna mempunyai hubungan psikologi dengan gaya pembelajaran bahasa. Sungguhpun demikian, tiada kajian lampau tentang pembinaan instrumen penilaian prestasi sendiri yang menggunakan kod warna sebagai penanda aras penguasaan dalam bahasa Melayu. Merujuk kajian semasa, kod warna menjadi elemen utama.

Setiap teori kajian ini mempunyai kewajaran dengan bidang bahasa. Teori atau model kajian terdiri daripada Teori Konteks-Input-Proses-Produk (KIPP), Teori Kecerdasan Pelbagai (TKP) dan Model Motivasi ARCS. Teori KIPP digunakan secara meluas dalam kajian bahasa (Omer Gokhan Ulum, 2016). Teori ini juga digunakan dalam penilaian bidang sains sosial, termasuk bahasa (Vo Thi Kim Anh, 2018). Menurut Stufflebeam (2003), KIPP merupakan kerangka panduan penilaian yang komprehensif. Zul Izuddin Suhaimi dan Kamal Shaffeei (2019) menyatakan bahawa dimensi konteks mestilah

bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dimensi input pula merujuk kemudahan bilik darjah, buku teks dan kemahiran guru. Dimensi proses melibatkan elemen pengajaran dan pembelajaran, penilaian dan hubungan antara guru dengan murid. Dimensi produk pula melihat pengaplikasian aspek impak, kebolehpindahan dan aspek keberkesanan. Oleh itu, KIPP digunakan untuk mengenal pasti kesesuaian IPPK kepada murid SJKT. Teori Kecerdasan Pelbagai(TKP) Gardner juga digunakan dalam bidang bahasa. Setiap kecerdasan saling berpengaruh. Kod warna turut termasuk dalam kecerdasan pelbagai. Kod warna menjadi elemen utama untuk menilai keupayaan murid dalam mengesan kekuatan dan kelemahan (Kendra Cherry, 2021). Ini bersesuaian dengan kecerdasan intrapersonal dan logik matematik yang merupakan antara lapan kecerdasan yang dipelopori oleh Gardner. Kecerdasan ini seterusnya dapat menimbulkan kesedaran pada diri murid untuk memperbaiki kelemahan dan menambahbaik kekuatan. Menurut Cherry lagi, kecerdasan logik matematik membentuk pola penyelesaian masalah. Tugas kiraan yang terdapat dalam IPPK merangsang murid mengenali kod warna dalam kajian dan mengambil tindakan susulan. Merujuk Model ARCS, Keller (2010) menegaskan bahawa model motivasi ini mampu mencungkil semangat murid untuk menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam bidang yang diceburi. Maka, kajian tentang ketiga-tiga teori atau model disoroti dalam bab seterusnya, kerana merentasi bidang ilmu yang pelbagai, termasuk bidang bahasa Melayu. Namun, belum ada kajian kepas yang menggunakan teori ini untuk membincangkan IPPK bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

Ketiadaan kajian lampau tentang IPPK bagi mata pelajaran Bahasa Melayu SJKT sebagai alat kawalan kualiti pembelajaran mewujudkan kelompangan kepada pengkaji untuk membuat kajian dalam kalangan sampel terpilih. Maka, pengkaji membuat penyelidikan berdasarkan instrumen penilaian prestasi sendiri yang dibangunkan oleh pengkaji sendiri melalui kajian tindakan di sekolah. Maklumat lanjut tentang pembangunan instrumen ini dihuraikan dalam Bab Tiga.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

1. Sejauh manakah Instrumen Penilaian Prestasi sendiri sesuai diaplikasikan untuk murid di SJKT?
2. Sejauh manakah murid berupaya menggunakan Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri untuk mengesan kod warna pencapaian dengan betul?
3. Sejauh manakah Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri dapat mempengaruhi dorongan motivasi murid untuk menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan?

## 1.5 Objektif Kajian

1. Mengetahui kesesuaian Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri kepada murid di SJKT Daerah Hulu Langat;
2. Menghuraikan keupayaan murid menggunakan Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri untuk mengenal pasti kod warna pencapaian dengan betul di SJKT Daerah Hulu Langat;
3. Merumuskan dorongan motivasi Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri (IPPK) terhadap pembelajaran bahasa kebangsaan di SJKT Daerah Hulu Langat.

## 1.6 Batasan Kajian

Objektif pertama bertumpu pada elemen sistem bahasa dan kaedah pengiraan yang sesuai dengan pengalaman murid Tahun 4 SJKT. Elemen sistem bahasa yang dimaksudkan ialah aspek tatabahasa dan kefahaman yang terkandung dalam DSKP Tahun 4. Kaedah pengiraan pula melibatkan operasi tambah, yakni mencampurkan skor markah dalam setiap klon sistem bahasa dan mencari kedudukan jumlah markah yang betul berdasarkan JM(Jumlah Markah).

Objektif kedua bertumpu pada keupayaan murid menggunakan IPPK berdasarkan latar belakang demografi seperti pengaruh bahasa ibunda dan sikap. Keyakinan murid meningkat apabila dapat memahami proses mencari kekuatan atau kelemahan melalui bahasa ibunda. Murid '*slow learner*' amat cenderung untuk memahami sesuatu perkataan bahasa lain dalam bahasa ibunda..

Objektif ketiga berfokus kepada keberkesanan IPPK terhadap dorongan motivasi murid di SJKT dalam mempelajari bahasa Melayu. Semua murid berbangsa Tamil lebih cenderung untuk memahami sesuatu dalam Bahasa Tamil. Mereka lebih bermotivasi sekiranya dapat memahami klon sistem bahasa dan proses mengenali kekuatan atau kelemahan dalam bahasa ibunda. Selain itu, murid lebih yakin sekiranya dapat menterjemahkan klon sistem bahasa dalam bahasa ibunda.

Kajian ini merujuk aspek sistem bahasa (tatabahasa, seni bahasa dan kefahaman) mata pelajaran Bahasa Melayu bagi tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan(SJK) Tamil sahaja yang terlibat dalam kajian.



## **1.7 Kepentingan Kajian**

### **1.7.1 Murid**

IPPK membantu murid untuk mengetahui kekuatan dan kelemahannya dalam bahasa Melayu. Murid boleh mengetahui penguasaan klon sistem bahasa yang mantap dan lemah dalam kertas Pemahaman Bahasa Melayu. Ini membolehkan murid mengatur dan melaksanakan langkah untuk memperbaiki kelemahan. Murid juga diberi kesedaran bahawa dia bukanlah seorang yang gagal seratus peratus atau kandas, malah dia mampu mengubah nasib sekiranya membuat latihan susulan. Murid berkecerdasan tinggi dapat memacu kecemerlangannya ke arah keterbilangan dengan menumpukan perhatian pada klon yang banyak disoal. Bagi murid sederhana dan ‘*slow learner*’, mereka dapat menentukan kejayaan secara berperingkat daripada satu klon kepada klon sistem bahasa yang lain.

### **1.7.2 Guru**

IPPK membantu guru untuk menilai keberkesanan pengajaran dalam kelas dan mengetahui keberadaan seseorang murid dalam proses penguasaan ilmu (kosakata) bahasa Melayu. Dengan demikian, guru dapat menjalankan latihan intervensi yang sesuai menjelang ujian akan datang untuk membantu murid memperbaiki kawasan kelemahan. Guru juga dapat memudahcarakan Kemahiran Bernilai Tambah (KBT), seperti kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran kontekstual. Dengan ini, guru dapat mengawal tahap keyakinan murid sentiasa kekal seimbang dan menuju kejayaan. Dalam erti kata yang lain, murid yang mudah putus asa dan lemah semangat dapat dipulihkan semula dengan merujuk kejayaan minima yang dicapai. Selain itu, guru dapat menyemai nilai afektif dalam diri murid sambil menghubungkan kait pencapaiannya dengan nilai kesyukuran kepada Illahi. Jika Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) berguna sebagai alat kawalan kualiti pengajaran bagi guru, IPPK pula berguna sebagai alat kawalan kualiti bagi pembelajaran bagi murid.

### **1.7.3 Dewan Bahasa dan Pustaka**

Dengan menyemai keyakinan berbahasa Melayu, IPPK dapat meningkatkan populasi yang menghayati bahasa Melayu dalam amalan harian. Ini membolehkan Dewan Bahasa dan Pustaka merencanakan aktiviti yang sesuai dalam mencetus pengembangan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dinamik dan mampu membentuk tamadun bangsa Malaysia yang unggul.

#### **1.7.4 Kementerian Pendidikan Malaysia**

IPPK mendekati murid dengan dunia realiti bahawa dirinya berpotensi untuk menguasai bahasa Melayu sekiranya meneruskan usaha bukan sekadar untuk lulus sahaja, tetapi lebih kepada amalan dalam hidup harian. Justeru, IPPK boleh dijadikan panduan untuk membina kawalan kualiti pembelajaran yang menunjangi pengurusan emosi dan rohani seseorang.

### **1.8 Definisi Operasional**

#### **1.8.1 Instrumen Penilaian Prestasi Kendiri**

Sumber 'Open Courseware' Universiti Teknologi Malaysia pula menyatakan bahawa instrumen sebagai cara yang digunakan untuk mengumpulkan data. Soalan atau kenyataan yang dibentuk khas untuk penyelidikan.

Penilaian pula merupakan perihal atau perbuatan menilai dan mentaksir. Micheal Scriven (1967) menyatakan bahawa terdapat lebih kurang enam puluh definisi tentang penilaian. Beliau mendefinisikan penilaian sebagai '*judging the worth or merit*'. Ini bermaksud penilaian dijalankan untuk melihat aspek nilai dan kualiti sesuatu program atau kurikulum yang dinilai. Menurut Worthen & Sander(1987), penilaian merupakan penentuan secara formal tentang kualiti, keberkesanan atau nilai sesuatu produk, program, projek, objektif atau kurikulum. Stufflebeam(2000) menyatakan bahawa penilaian bertujuan untuk melihat pencapaian serta mendapatkan alternatif yang boleh membantu dalam membuat keputusan. Fitzpatrick et, al(2004) menyatakan bahawa penilaian sebagai modus mengenal pasti, memperjelas dan mempertahankan kriteria yang telah dipersetujui untuk menentukan nilai sesuatu penilaian. Cronbach (1963) menyatakan bahawa penilaian bertujuan untuk melihat keberkesanan sesuatu program, serta dapat membantu dalam membuat keputusan-berikut: 1) Keputusan untuk menambah baik sahaja; 2) Keputusan terhadap murid dan guru, dan 3) Keputusan tentang pentadbiran dan peraturan tertentu. Alias Mahmud (2012) mentakrifkan penilaian kurikulum sebagai satu proses untuk membuat keputusan tentang keberkesanan sesuatu program seperti mengenal pasti keberkesanan sesuatu program yang hendak dinilai, kaedah penilaian, kaedah menganalisis, kaedah menterjemah inkuiri penemuan dan membuat keputusan tertentu.

Menurut W.S. Winkel(2004), prestasi belajar merujuk keberhasilan usaha yang dicapai oleh seseorang setelah memperoleh pengalaman belajar. Hamalik(2016) berpendapat bahawa prestasi belajar ialah perubahan sikap dan tingkah laku setelah memmuridi sesuatu. Benjamin S. Bloom(1984) pula menyatakan bahawa prestasi belajar sebagai perubahan perilaku yang meliputi tiga aras kognitif teratas yang terdiri daripada pengetahuan, pemahaman, pengaplikasian, penganalisan, sintesis dan penilaian.

Konsep sendiri merupakan penilaian seseorang terhadap dirinya. Carl Rogers(1959) mendefinisikan konsep sendiri sebagai suatu gambaran persepsi seseorang tentang ciri-ciri dan kebolehnya, persepsi dan konsep sendiri berbanding dengan orang lain, dan persekitarannya. Sharifah Alawiyah (1987) pula melihat sendiri sebagai suatu organisasi peribadi seseorang individu yang unik dan dinamik serta menentukan ciri tingkah laku, perasaan dan fikiran. Secara umum, perkataan sendiri diterima sebagai singkatan hasil percantuman suku kata awal dua perkataan iaitu kendali + diri dan suku kata akhir bagi satu perkataan, iaitu sendiri (kendali+diri+sendiri).

Dalam konteks penyelidikan ini, instrumen (IPPK) merujuk alat pengukuran kejayaan murid secara individu. Penilaian melibatkan aktiviti menganalisis, mengenal pasti zon kekuatan dan zon kelemahan, dan menterjemah penemuan untuk menentukan tindakan susulan. Dengan ini, murid dapat mengenal pasti keberadaan dirinya bagi setiap klon sistem bahasa, sama ada berada di zon kekuatan (berwarna hijau) atau zon kelemahan (berwarna merah) atau zon pertengahan (berwarna kuning). Justeru, IPPK menggalakkan murid mengurus tadbir mindanya mengikut trend semasa kertas soalan.

### **1.8.2 Kesesuaian kepada Murid**

Kesesuaian merupakan perihal (keadaan) sesuai, keselarasan dan kesamaan (Kamus Dewan Edisi Keempat). Dalam sistem pembelajaran, kesesuaian mempunyai pengaruh yang tinggi terhadap motivasi murid. Justeru, kesesuaian merujuk penggunaan bahasa yang konkrit dan contoh yang biasa digunakan oleh murid. Selain itu, sesuatu pengalaman baharu perlu berintegrasi dengan pengalaman sedia ada. Menurut Karen Sanford (2010), elemen kesesuaian dalam teori motivasi John M. Keller melibatkan persepsi murid terhadap kandungan pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Hal ini dapat memanfaatkan gaya pembelajaran dan minat murid. Maka, kesesuaian berperanan sebagai jambatan antara perkara yang sedang dipelajari dengan perkara yang sudah diketahui. Kesesuaian persekitaran pembelajaran ini juga ditentukan oleh tahap interaksi guru dengan murid, komitmen murid dan keselesaan pembelajaran (Che Nidzam Che Ahmad, Kamisah Osman dan Lilia Halim, 2012).

Dalam konteks penyelidikan ini, kesesuaian merujuk tiga langkah atau aktiviti untuk mengenal pasti pencapaian warna dengan betul. Langkah pertama merujuk kemahiran membulatkan nombor soalan di konstruk 'No. Soalan'. Murid dikehendaki membulatkan nombor soalan yang diperolehi markah penuh. Ini dilakukan berdasarkan skrip jawapan yang sudah disemak, sama ada oleh guru atau dirinya sendiri. Aktiviti melukis bulatan memang biasa bagi murid kerana mempunyai pengalaman melukis dalam mata pelajaran seni visual. Aktiviti kedua merujuk kemahiran mengira jumlah skor markah untuk diisi dalam konstruk 'B'. Biasanya, jumlah markah untuk sesuatu klon sistem bahasa tidak melebihi nilai 10 maka, Semua murid Tahun 4 sudahpun mempunyai asas mengenali nombor sehingga 10 dan kemahiran mengira jumlah markah. Langkah ketiga pula merujuk aktiviti mencari kedudukan nilai 'B' berdasarkan julat markah dalam jadual penentu warna. Murid hanya perlu melorek warna yang dikenal pasti di konstruk 'C'.

Aktiviti melorek warna memang menjadi kebiasaan kepada murid sejak bangku tadika lagi. Maka, ketiga-tiga langkah ini tidaklah membebankan murid.

### 1.8.3 Keupayaan mengesan kod warna

Menurut kamus *Educalingo*, kod warna ialah sistem untuk memaparkan maklumat dengan menggunakan warna yang berbeza. Pada awalnya, kod warna digunakan dalam komunikasi jarak jauh dengan menggunakan bendera. Setiap warna mempunyai makna yang berbeza mengikut persekitaran hidup di sesuatu kawasan. Di United Kingdom, skema kod warna merah menandakan bahaya, manakala putih menandakan keselamatan. Dalam persekitaran hidup di Malaysia, kod warna merah digunakan oleh pasukan bomba dan penyelamat, manakala warna biru digunakan oleh pasukan polis. Dalam sistem trafik jalan raya, warna merah memberikan isyarat untuk berhenti atau memberhentikan kenderaan, warna kuning memberikan isyarat bersedia untuk berhenti atau bersedia untuk bergerak, jika tiada halangan kenderaan, dan warna hijau memberikan isyarat kebenaran untuk bergerak jika tiada halangan (Gordon M, 1971).

Merujuk penyelidikan ini, penggunaan ketiga-tiga kod warna menjadi pengalaman yang biasa kepada murid. Ini menyebabkan murid mudah memahami aplikasi konsep warna dalam sesuatu pengetahuan. Kaedah warna lampu trafik digunakan sebagai aspek pedagogi dalam pembelajaran dan penilaian sendiri (Devaki Periasamy, 2019; Sandi Aryanto Asyid, Dimas Muhamad Rizki Nurdiansyah, Aseptiana Parmawati, 2019; Sangeeta Singg\* dan Chris W Maull, 2017 ; Oluwakemi Olurinola dan Omoniyi Tayo, 2015). Warna mempunyai hubungan dengan kawalan emosi manusia (Domicile Jonauskaite, Alejandro Parraga Michael Quiblier dan Christine Mohr, 2020). Warna lampu trafik digunakan secara meluas dalam menyelesaikan masalah pembelajaran (Mahwish Mumtaz Niazi, Nawaz Ahmad dan Maria Aftab, 2015; Md. Hidayat bin Othman, 2012).

### 1.8.4 Bahasa Kebangsaan

Bahasa Melayu perlu diperkasa di negara bangsa Malaysia (Aziz Deraman, 2017). Dalam syarahan utamanya, Aziz Deraman memetik titah Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah pada 5 Oktober 2016 bahawa "*Langkah memberikan martabat dan kemuliaan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan itu adalah sebahagian daripada semangat perjanjian kemerdekaan... wajib terus dihidupkan... junjungilah titah wasiat Raja Melayu yang telah menyerahkan kuasa negeri kepada pemerintahan Persekutuan.*"

Sarjana Belanda, Francois Valentijn mengungkapkan kebitaraan bahasa Melayu pada abad ke-16 sebagai bahasa yang digunakan di seluruh kepulauan Melayu dan di negara Timur sebagai bahasa yang mudah difahami (Nik Safiah Karim et al. 2004). Ini menggambarkan bahawa bahasa Melayu telah menduduki taraf bahasa antarabangsa sebagai bahasa diplomatik, bahasa perdagangan dan bahasa penyebaran. Sarjana Jepun

Profesor Dr Mikihiro Moriyama dari Universiti Nanzan, Nagoya, Jepun memberitahu bahawa bahasa Melayu mula diajar di Jepun bermula tahun 1908 kerana penduduk Jepun menyedari bahawa bahasa Melayulah yang patut dikuasai terlebih dahulu, jika mahu berurus niaga di kepulauan Melayu. Ini telah memungkinan kepulauan Melayu, khasnya Tanah Melayu mudah tertawan oleh Jepun dengan ideologi atau slogan '*Asia untuk Asia*' dan '*Kemakmuran Asia Bersama Asia Timur*'. Di India, masih ada bekas penduduk Malaya prakemerdekaan menuturkan bahasa Melayu.

Sebagai bahasa ilmu, bahasa Melayu telah memungkinkan berlangsungnya pendemokrasian pendidikan apabila sejumlah besar generasi muda mendapat peluang belajar dalam bahasa kebangsaan, tanpa kekangan faktor taraf sosioekonomi dan pengasingan etnik (Awang Sariyan, 2009). Ini menunjukkan bahawa pemeraksanaan bahasa Melayu sedia wujud di negara ini. Penggunaan secara meluas dan pertambahan bilangan penutur bahasa Melayu, menjamin masa depan bahasa kebangsaan.

Merujuk penyelidikan ini, pelibatan murid secara langsung dalam aktiviti mengenal pasti pencapaian menjinakkan murid untuk mengenali perkataan, sistem bahasa dan bentuk ayat. Ini memberikan kesan kepada minda murid, yakni menggunakan perkataan dalam amalan harian. Ini meyakinkan murid untuk berbahasa Melayu. Tempoh masa penguasaan sepenuh mungkin berbeza mengikut keupayaan fizikal dan persekitaran murid. Namun, penggunaan bahasa Melayu secara berterusan dapat memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bak pepatah, 'Sedikit-dikit, lama-lama jadi bukit'.

## **1.9 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya dalam Bab Satu, pengkaji telah mengetengahkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional. Selanjutnya dalam Bab Dua, pengkaji akan meninjau sorotan kajian yang meliputi tujuh sub topik utama, iaitu kajian tentang penilaian sendiri dalam pembelajaran, kajian tentang pemeraksanaan bahasa kebangsaan di Malaysia, kajian tentang pengekodan warna dalam pembelajaran, kajian tentang pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, kajian tentang dorongan motivasi dalam penguasaan bahasa dan kajian tentang teori Konteks-Input-Proses-Produk(KIPP), kecerdasan pelbagai dan Attention-Relevance-Confidence-Satisfaction(ARCS). Jurang penyelidikan turut dimuatkan dalam bab dua.



## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1997). *Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan esei-esei lain*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Adenan Ayob & Abdullah Yusuf (2010). *Psikolinguistik*. Tanjung Malim:Percetakan Salam Sdn. Bhd.
- Adenan Ayob (2009). *Bahasa Kebangsaan*. Shah Alam : Oxford Fajar Sdn. Bhd. 2009.
- Ahmad Subki Miskon & Syed Ismail Syed Mustapa (2013). *Murid dan Alam Belajar*. Kuala Lumpur Freemind Horizon Sdn. Bhd.
- Aizu Khalii Zohedi, Nor Hasbiah Ubaidullah & Norasikin Fabil (2017). Aplikasi Prinsip Animasi Exaggeration, Kemahiran Berfikir dan Kreatif serta Model Motivasi ARCS Terhadap Topik Integer Matematik Tingkatan Satu. *Journal of ICT in Education(JICTIE) ISSN2289-7844/Vol.4/2017/52065*.
- Akhiar Pardi & Shamsina Shamsuddin (2011). *Pengantar Penyelidikan Tindakan dalam Penyelidikan Pendidikan*. Pusat Bandar Puchong : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) (1997), <http://jpt.mohe.gov.my/rujukan/akta/akta%20pendidikan%201996.pdf>
- Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria (2019). Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *International Journal of the Malay World and Civilisation 7(3)*, dicapai melalui <http://journalarticle.ukm.my/13514/1/jatma-2019-0703-03.pdf>.
- Alias Mahmud (2012). Konsep dan Model Penilaian Dalam Pelaksanaan Kurikulum. [https://www.researchgate.net/publication/285421506\\_konsep\\_dan\\_model\\_penilaian\\_dalam\\_pelaksanaan\\_kurikulum](https://www.researchgate.net/publication/285421506_konsep_dan_model_penilaian_dalam_pelaksanaan_kurikulum).
- Amirra Shazreena Amirul Razin dan Vijayaletchumyarm (2019). Kesalahan Penggunaan Imbuan Awalan dan Akhiran dalam kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder(1973). *Internasional Journal of the Malay World and Civilisation 7(1)*, 2019: 3-13. <https://doi.org/10.17576/jatma-2019-0701-01>.
- Armstrong, Robert J. (1976). The Accuracy of Self-reported Class Rank. Seperti dalam Kamarul Azmi Jasmi (2012) Kesahan dan kebolehppercayaan dalam kajian kualitatif.
- Arulnathan Visurasam (2013). Tesis Doktor Falsafah. Analisis Kesilapan dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua oleh Murid India: Strategi Pembelajaran dan Pemindahan Bahasa. Universiti Malaya.
- Arun,S (2012). *Tamilar Tadanggal Varalaatru Aavanam* (Dokumen Sejarah Pertapakan Tamil), Klang: Persatuan Sejarah Masyarakat Tamil Malaysia.

- Awang Sariyan (2009). Peranan Bahasa dalam Pembinaan Insan dan Pembangunan Masyarakat Hadhari, <http://journalarticle.ukm.my/232/1/1.pdf>.
- Awang Sariyan (2010). Mendaulatkan martabat bangsa. <https://zanas.wordpress.com/memartabatkan-bahasa-melayu/>.
- Aziz Deraman, A. (n.d). Apa Itu Dasar Bahasa Negara, Utusan Malaysia <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/apa-itu-dasar-bahasa-negara-1.707998>.
- Azizi Hj. Yahaya, Yusof Boon & Kamaliah Noordin, (2005). Hubungan antara Konsep Kendiri, Motivasi dan Gaya Keibubapaan dengan Pencapaian Murid. [http://eprints.utm.my/id/eprint/2332/2/AziziYahay\\_\\_Hubungan\\_Konsep\\_Kendir\\_i%2C\\_motivasi\\_dan\\_gaya.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/2332/2/AziziYahay__Hubungan_Konsep_Kendir_i%2C_motivasi_dan_gaya.pdf).
